Empat bidang kerjasama demi kesejahteraan ASEAN

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Empat bidang kerjasama perlu dilakukan negara-negara ASEAN secara bersungguh-sungguh bagi memperkasakan masyarakat mendepani kemungkinan cabaran akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, empat bidang tersebut meliputi aspek kesihatan awam, pengawalan iklim, pengurusan bencana dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Menurut beliau, daripada pandemik Covid-19 yang melanda secara global sebelum ini, ASEAN dan Jepun harus mengambil langkah berwaspada terutama terhadap krisis kesihatan seterusnya.

Menurut beliau, Malaysia mencadangkan supaya semua negara anggota ASEAN, termasuk Jepun menempatkan penyelidik sendiri di Pusat ASEAN untuk Kecemasan Kesihatan Awam dan Penyakit Memuncul.

"Kita harus mengumpulkan penyelidik pelbagai latar belakang, pengalaman dan pengetahuan, bagi membentuk satu pasukan yang boleh membantu menangani cabaran kesihatan dengan lebih baik," kata beliau ketika berucap semasa Agenda 3 bertemakan 'Heart to Heart Partners Across Generations' di Tokyo semalam.

ANWAR Ibrahim bersama pemimpin-pemimpin negara ASEAN dan Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida selepas Sidang Kemuncak Peringatan Asean-Jepun di Tokyo semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerjasama rapat harus terus dilakukan oleh ASEAN dan Jepun dalam pengawalan iklim supaya dapat memajukan strategi mitigasi dan penyesuaian serantau serta nasional.

"Melambatkan perkara ini akan memburukkan lagi kesan perubahan iklim yang tidak dapat dipulihkan semula, satu realiti yang dialami oleh sesetengah pihak," katanya.

Perdana Menteri berkata, keputusan penting di Sidang Kemuncak Iklim (COP28) perlu diambil berat oleh ASEAN dan Jepun terutama mengenai pengiraan stok global, matlamat global untuk adaptasi, dana kerugian dan kerosakan.

"Saya mengalu-alukan komitmen awal Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida sebanyak US$10 juta (RM46,725,000) untuk perkara itu dan saya menggalakkan Jepun untuk melakukan lebih lagi dalam membantu negara membangun dengan peralihan tenaga secara adil, teratur dan saksama," katanya.

Sementara itu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, rantau tersebut sudah menyaksikan perubahan cuaca ekstrem iaitu daripada kemarau sehingga banjir dan tanah runtuh yang memerlukan pengurusan bencana yang baik.

Tambahnya, Malaysia juga akan menggalakkan lebih ramai pelajar daripada semua negara ASEAN ke kampus cawangan Universiti Tsukuba Jepun di Malaysia bagi melanjutkan pelajaran.